

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

81% TAPAK BINA DI SELURUH NEGARA TIDAK BEROPERASI, 210 TAPAK PEMBINAAN DIARAH TUTUP

13 Julai 2021

PEMERIKSAAN & PENEMUAN TAPAK BINA SELURUH NEGARA

Sebanyak 4,981 pemeriksaan tapak pembinaan telah dijalankan di seluruh negara oleh pihak CIDB dari 1 Jun sehingga 12 Julai bagi memastikan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19 sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara.

Daripada jumlah berkenaan sebanyak 959 (19%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 4,022 (81%) tidak beroperasi.

Daripada 959 tapak yang beroperasi, didapati 210 tapak pembinaan (22%) tidak mematuhi SOP, manakala 749 (78%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 210 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun, 50 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 210 tapak pembinaan yang ditutup, sebanyak 59 terletak di Sarawak. Negeri-negeri lain pula adalah seperti berikut: Selangor (45), Kuala Lumpur (17), Melaka (17), Johor (14), Sabah (13), Pulau Pinang (11), Negeri Sembilan (8), Pahang (8), Terengganu (6), Perak (4), Kedah (3), Perlis (3) dan Kelantan (2).

Manakala 50 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Sarawak (15), Selangor (9), Melaka (9), Terengganu (4), Perak (4), Kuala Lumpur (3), Johor (2), Kelantan (1), Sabah (1), Pulau Pinang (1) dan Kedah (1).

PERINGATAN

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PPN** terkini yang boleh dimuat turun dari www.cidb.gov.my. CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

####